


TAJUK: BEBERAPA ASPEK EKONOMI DAN SOSIAL MASYARAKAT
NELAYAN MELAYU: SATU KES STUDI DI KAMPUNG RAJA
BASHAH; KUALA KURAU, PERAK.

OLEH: SDR. ISMAIL BIN YUSOF

LATIHAN ILMIAH INI ADALAH BERTUJUAN
MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA
MUDA SASTERA DALAM BIDANG GEOGRAFI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG
JANUARI 1983



ABSTRAK

Kajian yang dilakukan ke atas kampung ini secara keseluruhannya adalah untuk melihat dan meneliti kehidupan seharian para nelayan. Tumpuan utama pengkaji adalah meliputi dua aspek yang penting iaitu aspek ekonomi dan sosial. Kedua-dua aspek ini merangkumi pula beberapa soal yang ada kaitannya dengan kehidupan dan pembangunan para nelayan di sini. Gambaran yang telah didapati dari penelitian terhadap kedua aspek ini dijadikan pula sebagai suatu kayu ukuran untuk meneliti taraf hidup para nelayan terutamanya dalam masalah kemiskinan dan pendapatan yang mereka perolehi disamping tingkat kesempurnaan dan keselesaan dibandingkan dengan masyarakat selain dari sektor perikanan ini.

Dalam menganalisa tentang taraf hidup nelayan di kampung ini soal-soal pasaran, hak-milik dan pendapatan merupakan beberapa isu dasar yang diberi perhatian yang berat oleh pengkaji. Di sini, penganalisaan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kajian empirikal yang telah dilakukan itu. Pendapat dari pihak-pihak yang terlibat seperti para nelayan, orang tengah dan badan-badan tertentu selalunya diberi perhatian.

Pembangunan para nelayan hanya dapat dipaparkan melalui pandangan, sikap dan penerimaan komuniti tersebut terhadap perubahan yang sedang atau telah dilakukan. Kebanyakan para nelayan di kampung ini menyedari tentang perlunya suatu pembangunan dalam kehidupan seharian mereka.

Tetapi ianya dibatasi oleh beberapa faktor seperti masalah modal,kepakaran dan keupayaan untuk mengendalik-kan sesuatu operasi. Atas alasan-alasan inilah didapati bahawa kehidupan para nelayan sebenarnya masih lagi dalam keadaan yang ketinggalan jika hendak dibandingkan dengan komuniti pada sektor lainnya seperti sektor pertanian.

Secara keseluruhannya kajian yang dilakukan di kampung ini dapat memberikan suatu gambaran yang sebenarnya tentang kehidupan para nelayan dan masalah yang selalu mereka hadapi. Disamping terpaksa menghadapi beberapa keadaan yang tidak dapat dielakkan seperti masalah hutang dan bergantung kepada orang tengah atau kerajaan.

ABSTRACT

The research undertaken on the village was as a whole to highlight and analyse the day to day life of the fishermen. The two important areas covers are economic and social aspects. This two aspect include the various detail of their life and their fishery development. Idea gathered which are base on the observation done on this two aspect were later used as the basicly in analysing standard of living in particular the problem of poverty and their income with other economic sector.

In analysing the standard of living of this fishermen, certain issue such as marketing, ownership and their income were given a great consideration by the researcher. In fact, the analysis was base on the empirical study. View from all parties as fishermen, middleman and organization was always taken into consideration.

The changer with which the fishermen can be seen in their view, and attitude and acceptance of the community toward the changes that have and will be done. Most of the fishermen in the village realised that they need certain kind of development in the daily life. But this changes have it limitation in term of capital, skills and their ability to menage the operation. Due to this, it is seen that the life of the fishermen are backward compared to other sector such as agriculture.

In conclusion, the research undertaken on the village was give able to a indepth and through picture

of the life of a fishermen and the problem that they are facing. In addition to this, they also have to bear the other uncontrolable situation such as dept problem and their dependency toward the middle man or government.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya maka kajian yang telah dilakukan dapat disiapkan dan dicantumkan dalam sebuah buku. Walaupun pada peringkat awalnya terdapat beberapa masalah untuk menyiapkan kajian ini namun segalanya telah dapat diatasi dengan bantuan beberapa pihak tertentu samada pada individu atau pun kumpulan. Dengan itu di sini saya ingin merakam ucapan terimakasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada pihak yang terlibat samaada secara langsung atau tidak langsung.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang telah sama-sama berusaha untuk membimbing saya dalam usaha menyiapkan kajian ini. Tanpa dorongan dan tunjukajar dari mereka maka adalah menjadi suatu kesukaran kepada saya untuk menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Ucapan terimakasih itu terutamanya saya tujukan kepada En. Hassan Naziri yang telah dari mula kajian ini dilakukan sehinggalah proses menyaipkannya. Selain dari itu tidak lupa juga kepada En. Razali, yang mana telah sudi memberikan teguran atas beberapa kesilapan dan memberi pandangan bagaimana seharusnya dilakukan. Begitu juga dengan pensyarah-pensyarah lainnya.


Penghargaan ini juga saya tujukan kepada orang peseorangan yang telah terlibat dalam membantu saya mengutip data dan mendapatkan maklumat yang saya perlukan. Antaranya sdr. Idrus Bahali, Mohd. Arshad, Alan dan sdr. Desa.


Selain dari itu penghargaan juga saya tujukan kepada badan-badan tertentu seperti Jabatan Perikanan Kuala Kurau, Jabatan Perikanan Negeri, Ipoh, Koperasi Nelayan dan Pejabat Penghulu.

Akhir sekali saya tak lupa mengucapkan ribuan terimakasih kepada para responden yang telah bekerjasama dengan saya dalam memberikan maklumat yang diperlukan. Dan andainya ada pihak-pihak yang tidak termasuk dalam penghargaan ini saya juga tak lupa mengucapkan terimakasih. Setiap sumbangan dan bantuan yang telah diberikan itu hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya.




PETA 2: TOPO PANTAI NEGERI PERAK





PETA : 2 KAMPUNG RAJA BASHAH

PETA 3: KAWASAN KAYALAN JABATAN PERIKANAN. K. KURAU.



KANDUNGAN

Mukasurat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi

BAB 1

1.1 Pengenalan	1
1.2 Methodologi	5
1.3 Masalah yang dihadapi semasa kajian dilakukan	6
1.4 Tinjauan bahan kajian	8

BAB 2 -ORGANISASI PEKERJAAN 12

2.1 Pekerjaan yang dijalankan oleh para nelayan	12
2.2 Nelayan dan organisasi pekerjaan yang mereka lakukan	14

BAB 3 -HAK MILIK ALAT TANGKAPAN, PENGELUARAN
DAN PASARAN SERTA AGIHAN PENDAPATAN
NELAYAN 34

3.1 Hak milik perkakas tangkapan	34
3.2 Pengeluaran dan pemasaran ikan	38
3.3 Agihan pendapatan nelayan	51
3.4 Mengapa adanya perbezaan dalam pendapatan nelayan di kampung ini	54

<u>BAB 4</u> - PERSOALAN SOSIAL DAN EKONOMI MASYARAKAT NELAYAN DI KAMPUNG RAJA BASHAH.	58
4.1. Perbincangan mengenai aspek sosial dan ekonomi masyarakat nelayan di kampung ini	58
4.2. Konflik penangkapan ikan di Perak dan Pulau Pinang.	78
<u>BAB 5</u> - KESIMPULAN.	81
5.1. Kesimpulan	81
5.2. Masa hadapan sektor perikanan dan kehidupan para nelayan	90
6. Bahan Rujukan	92
<u>7. LAMPIRAN.</u>	95
7.1. Senarai gambar	95
7.2. Contoh borang soal-selidik	100

SENARAI PETA

Mukasurat

1.PETA 1: Topo pantai Negeri Perak	viii
2.PETA 2: Kampung Raja Bashah	ix
3.PETA 3. Kawasan kawalan Jabatan Perikanan Kuala Kurau.	x

SENARAI RAJAH.

Rajah 1: Struktur pasaran	43
Rajah 2: Struktur pasaran tempatan	44
Rajah 3: Struktur pasaran dikalangan pemborong dan peraih sebelum sampai ke tangan pengguna	44

SENARAI JADUALMUKASURAT

Jadual 1: Pembahagian taburan pekerjaan mengikut etnik dan sektor perjudanan dan perikanan	2
Jadual 2: Peringkat umur responden	13
Jadual 3: Jenis penggunaan tangkapan oleh nelayan di Kampung Raja Bashah	16
Jadual 4: Hak milik perkakas yang dimiliki oleh orang tengah	35
Jadual 5: Harga beli dan harga pasaran melalui sistem pasaran orang tengah	41
Jadual 6: Pendapatan nelayan Kampung Raja Bashah	53
Jadual 7: Milikan peralatan menangkap ikan di Kampung Raja Bashah	55
Jadual 8: Bilangan anak-anak nelayan yang tersekolah dan peringkat persekolahan mereka	73
Jadual 9: Konflik 1964 - 1976	79